

# Gambar PM jadi modal

**KUALA LUMPUR, Khamis** — Pejabat Perdana Menteri hari ini mendedahkan perbuatan sesetengah individu yang menggunakan gambar mereka bersama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk kepentingan peribadi.

Menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri hari ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir mendapat tahu ada antara mereka yang mendakwa kenal rapat dengan beliau dan menggunakan gambar yang diambil bersama Perdana Menteri untuk menjadi orang tengah bagi peniaga

yang ingin mendapat kontrak dan projek daripada kerajaan.

"Ada yang dikenali beliau dan ada yang tidak. Sebagai Perdana Menteri dan wakil rakyat, beliau tidak dapat menolak permintaan untuk bergambar bersama-samanya," tambah kenyataan itu.

Berikut adalah kenyataan penuh Pejabat Perdana Menteri:

"Pejabat Perdana Menteri telah mendapat tahu bahawa terdapat sesetengah individu yang telah bergambar dengan Perdana Menteri mengguna-

kan gambar-gambar tersebut bagi kepentingan peribadi mereka.

Di berbagai-bagai majlis dan ketika mengunjungi Perdana Menteri, sesetengah mereka kerap kali meminta untuk bergambar dengan Perdana Menteri. Ada yang dikenali oleh Perdana Menteri dan ada yang tidak dikenali oleh beliau. Sebagai Perdana Menteri dan wakil rakyat, beliau tidak dapat menolak permintaan untuk bergambar bersama-samanya.

Tetapi dukacita dinyatakan

**LIHAT MUKA 12**

## Pejabat PM minta guna saluran rasmi

**DARI MUKA 1**

bahawa ada mereka yang telah bergambar dengan Perdana Menteri mendakwa bahawa mereka kenal rapat dengan Perdana Menteri.

Perdana Menteri telah mendapat tahu bahawa ada antara mereka ini mendakwa bahawa mereka boleh menjadi orang tengah bagi pihak ahli perniagaan yang ingin mendapatkan kontrak dan projek daripada kerajaan.

Pejabat Perdana Menteri ingin menegaskan bahawa Perdana Menteri tidak dapat memberi sesuatu keistimewaan kepada sesiapa.

Walaupun Perdana Menteri mungkin, kerana sebab politik, berjumpa dengan orang tertentu yang beliau kenali, khususnya mereka dari kawasan pilihannya, sebarang permohonan yang dibuat melalui mereka ini tidak akan mendapat layanan daripada Perdana Menteri atau kerajaan. Saluran rasmi mestilah digunakan setiap masa.

Pejabat Perdana Menteri meminta kerjasama orang ramai menghubungi pejabat ini jika mereka dihubungi oleh sesiapa yang mendakwa mereka boleh berjumpa dan mendapat perhatian Perdana Menteri untuk sebarang tujuan. Nombor telefon untuk dihubungi ialah 03-232244 sambungan 208 dan 218.